

Hilang suami, dua anak serentak

Oleh: Nursyafiqah Affenday, 1180258



Shamshira (kanan) kelihatan menangis di sisi anaknya ketika dikunjungi di kediaman ibunya.
(Gambar hiasan)

TELUK INTAN: Seorang suri rumah sepenuh masa, Shamshira Mohd Norizin, 31, masih trauma setelah kehilangan suami dan dua orang anaknya yang maut dalam satu kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan muatan berat di Gopeng.

“Saya dah reda tetapi untuk biasakan dengan keadaan ini memang ambil masa kerana semuanya terjadi terlalu cepat dan saya selalu teringat-ingatkan mereka,” katanya ketika dihubungi menerusi aplikasi whatsapp.

“Buat masa sekarang saya tinggal bersama mak sebab masih tak sanggup untuk pulang ke rumah kami,” tambahnya.

Normah Khalid, 66, ibu kepada Shamshira berkata, anaknya masih lagi terkejut dengan kejadian yang berlaku namun beliau yakin Shamshira adalah seorang ibu yang kuat.

“Kejadian itu masih baru dan makcik pun masih lagi tak percaya, makcik hanya mampu berdoa saja,” katanya lagi.

Kemalangan tiga beranak itu telah mendapat perhatian warganet termasuklah usahawan muda terkenal, Hafiz Mahamad yang juga merupakan pengasas produk yang dijual oleh Shamshira di mana beliau telah mengumpulkan dana bagi meringankan beban keluarga mangsa.

Dalam pada itu, Shamshira berkata, beliau sangat bersyukur kerana ada pihak yang mengambil berat mengenai keadaannya dengan menghulurkan bantuan kewangan.

“Duit itu sedikit sebanyak dapat membantu saya menampung perbelanjaan kerana jumlahnya juga agak besar,” katanya.



Hafiz Mahamad (gambar kanan) menziarahi Shamshira dan keluarga di Teluk Intan, Perak, baru-baru ini. (Gambar hiasan)

Kini, Shamshira masih meneruskan perniagaannya secara atas talian dengan menjual pelbagai jenis produk bagi menampung kos sara hidup.

Kemalangan yang berlaku November lalu telah meragut nyawa suaminya, Hafize Nizam Ali Supian, 30, dan dua orang anak lelaki mereka, Muhammad Afeef Rafiqie, 9, dan Arrian Nuh, 6, yang meninggal dunia di tempat kejadian setelah treler yang dipandu suaminya hilang kawalan dan terbabas.

Bagaimanapun, Shamshira dan seorang lagi anaknya tidak terlibat dalam kemalangan tersebut kerana mereka menaiki kenderaan berasingan sebaik sahaja mereka pulang dari makan malam.